- a. **YYP shall have absolute discretion to terminate the Facility and accelerate payment of the Facility on demand, and / or demand for full payment within fourteen (14) days if any of the event or events of default(s) including but not limited to the following shall occur:-** / *YYP mempunyai budi bicara mutlak untuk menamatkan Kemudahan dan menyegerakan bayaran Kemudahan tersebut dan / atau menuntut bayaran penuh dalam tempoh empat belas (14) hari, sekiranya berlaku mana-mana kejadian atau kejadian-kejadian ingkar termasuk tetapi tidak terhad kepada kejadian seperti yang berikut:*
- i. **The Customer defaults in paying any instalments or payments and / or other monies when due and payable.** / *Pelanggan ingkar dalam membayar mana-mana ansuran atau bayaran dan / atau wang lain apabila telah sampai tempoh masanya dan perlu dibayar.*
 - ii. **The Customer defaults in paying any amount or charges under other loan/financing arrangements when due and payable.** / *Pelanggan ingkar dalam membayar apa-apa amaun atau caj di bawah pengaturan pinjaman/kemudahan lain apabila telah sampai tempoh masanya dan perlu dibayar.*
 - iii. **Any step is taken for the Customer's bankruptcy, or a petition for bankruptcy is presented against the Customer, or the Customer commits any act of bankruptcy** / *Apa-apa langkah diambil untuk kebangkrutan Pelanggan, atau suatu petisyen untuk kebangkrutan dikemukakan terhadap Pelanggan, atau Pelanggan melakukan sebarang tindakan kebangkrutan.*
 - iv. **If the Customer (i) dies, (ii) becomes incapacitated or of unsound mind, (iii) serves any custodial sentence, (iv) repudiate or threatens to repudiate its obligations under the Facility.** / *Sekiranya Pelanggan (i) meninggal dunia, (ii) menjadi tidak berupaya atau tidak sempurna akal, (iii) menjalani sebarang hukuman penjara, (iv) menolak atau mengancam untuk menolak kewajibannya di bawah Kemudahan ini.*
 - v. **If any information provided by the Customer whether in the course of making the application for the Facility or otherwise is incorrect or misleading or does not present an accurate representation of the relevant facts in a material particular as of the date at which it was provided.** / *Sekiranya mana-mana maklumat yang diberikan oleh Pelanggan di dalam urusan permohonan Kemudahan atau sebaliknya adalah tidak benar atau mengelirukan atau tidak memberi gambaran tepat khususnya mengenai fakta fakta berkaitan yang telah diberikan pada tarikh yang mana ia diberikan.*
 - vi. **If in the absolute opinion of YYP, the Personal Financing-i Facility account is not being or has not been operated satisfactorily.** / *Sekiranya pada pendapat mutlak YYP, akaun Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i tidak dikendalikan dengan memuaskan.*
 - vii. **If legal proceedings, suit for action of any kind whatsoever be instituted against the Customer** / *Sekiranya apa-apa jua jenis prosiding undang-undang, guaman atau tindakan diambil terhadap Pelanggan.*
 - viii. **The Customer fails to observe or perform its obligations, covenants and undertakings under the Facility and/or the documents related to the Facility.** / *Pelanggan gagal mematuhi atau melaksanakan kewajipan, waad dan aku janji di bawah Kemudahan dan/atau dokumen yang berkaitan dengan Kemudahan.*
 - ix. **Any covenant, representation, warranty or statement made (or acknowledged to have been made) by the Customer under this Facility proves to be incorrect or misleading (as determined by YYP) in any material respect.** / *Mana-mana waad, representasi, warranti atau kenyataan yang dibuat (atau diakui sebagai telah dibuat) oleh Pelanggan dibawah Kemudahan ini terbukti tidak betul atau mengelirukan (seperti yang ditentukan oleh YYP) dari apa-apa segi material.*
 - x. **An event has, or events have occurred, or a situation exists, which could or might, in the opinion of YYP prejudice the ability of the Customer to perform any of its obligations under the Facility.** / *Satu kejadian telah, atau kejadian-kejadian telah berlaku, atau wujud situasi, yang boleh atau mungkin, pada pendapat YYP menjejaskan keupayaan Pelanggan untuk melaksanakan mana-mana kewajibannya di bawah Kemudahan ini.*
 - xi. **Any event or circumstance occurs which, in the opinion of YYP, has or is reasonably expected to have a Material Adverse Effect.** / *Apa-apa kejadian atau keadaan berlaku yang pada pendapat YYP, mempunyai atau semunasabahnya berkemungkinan mempunyai Kesan yang Memudaratkan Material.*
 - xii. **If salary deduction fails to be activated for any reason whatsoever.** / *Sekiranya potongan gaji gagal untuk diaktifkan atas apa-apa sebab sekalipun.*

11. Amendment of Terms and Conditions / Pindaan Terma-Terma dan Syarat-Syarat

- a. **YYP reserves the right at any time to amend the terms and conditions of the Facility as specified in the Personal Financing-i Facility Application Form or the Letter of Offer by giving a written notice to the Customer. The amendments to the Terms and Conditions or the Letter of Offer shall be effective from the date specified in the notice. Any questions relating to such amendments shall be forwarded before the effective date.** / *YYP berhak untuk meminda terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan seperti yang terkandung di dalam Borang Permohonan Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i atau Surat Tawaran pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. Pindaan terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat atau Surat Tawaran adalah berkuatkuasa dari tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pindaan hendaklah dibuat sebelum tarikh pindaan berkuatkuasa.*

12. Service of Legal Process / Penyerahan Proses Undang-undang

- a. **The parties hereby agree that the service of any Writ of Summons or any legal process in respect of any claim arising out of or connected with these terms and conditions shall be served personally or sent by prepaid ordinary post to the Customer's address(es) stated in the Personal Financing-i Facility Application Form or to such other address(es) notified by the Customer to YYP from time to time. Any such Writ of Summons or any legal process sent to the Customer by prepaid ordinary post shall be conclusively deemed to have been received by the Customer within three (3) working days after the date and time of posting.** / *Semua pihak dengan ini bersetuju bahawa penyerahan sebarang Writ Saman atau sebarang proses undang-undang mengenai apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah dilakukan secara serahan peribadi atau melalui pos prabayar ke alamat-alamat Pelanggan yang dinyatakan dalam Borang Permohonan atau ke alamat-alamat lain yang dimaklumkan oleh Pelanggan kepada YYP dari semasa ke semasa. Sebarang Writ Saman atau proses undang-undang yang diserahkan kepada Pelanggan melalui pos prabayar akan dianggap secara konklusif telah diterima oleh Pelanggan dalam masa tiga (3) hari bekerja selepas tarikh dan masa pengposan.*

13. Notices / Notis

- a. **Any notice, communication and/or documents under or in connection with this Facility (including this Letter of Offer, its Annexure, Perjanjian Jualn Komoditi, any reminder notice or notice of demand issued by YYP) shall be in writing and shall (except for delivery of the Agreement as referred to in Clause 15) be delivered personally to the person to whom it is addressed, or by post to the person's address, or by email to the person's email address as stated below:** / *Sebarang notis, komunikasi dan/atau dokumen berkaitan dengan Kemudahan ini (termasuk Surat Tawaran ini, Lampirannya, Perjanjian Jualn Komoditi, sebarang notis peringatan atau notis tuntutan yang dikeluarkan oleh YYP) hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah (kecuali bagi penyampaian Perjanjian seperti yang dirujuk dalam Klausula 15) disampaikan secara peribadi kepada penerima, melalui pos ke alamat penerima atau melalui alamat emel seperti yang tertera di bawah:*

i. **YAYASAN DEWAN PERNIAGAAN MELAYU PERLIS BERHAD**

 : 19th Floor, Menara Teo Chew,
No 1, Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.
 : pertanyaan@yyp.com.my

ii. **The Customer / Pelanggan**

The residential, mailing and/or email address set out in the Personal Financing-i Facility Application Form or the last known address of the Customer or at such other address as the recipient may have notified to the other person in writing. / Alamat kediaman, surat-menyurat dan/atau emel yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Kemudahan Pembiayaan Peribadi-I atau alamat kediaman, surat-menyurat dan/atau emel terakhir Pelanggan yang diketahui atau alamat lain seperti yang dimaklumkan oleh penerima secara bertulis.

b. Proof of posting or despatch of any notice, communication and/or documents mentioned above shall be deemed to be a conclusive proof of receipt: /
Bukti pos atau penghantaran sebarang notis, komunikasi dan/atau dokumen yang tersebut di atas akan dianggap sebagai bukti penerimaan muktamad:

- i. **if it is personally delivered, at the time of delivery and duly acknowledged; /** sekiranya dihantar secara kediri, pada masa dihantar dan penghantaran disahkan;
- ii. **in the case of a notice sent by post or courier, on the third (3) business day after posting; or /** sekiranya notis dihantar melalui pos atau kurier, tiga (3) hari bekerja selepas tarikh penghantaran; atau
- iii. **if it is sent by email, at the time the email is received by the recipient. /** sekiranya dihantar melalui emel, pada masa emel diterima oleh penerima.

14. Assignment / Penyerahhakkan

- a. The Customer hereby irrevocably and unconditionally authorises YYP to assign all of its present and future rights (including but not limited to the right to the proceeds and receivables) under the Facility to RCE Marketing Sdn Bhd [Company No. 198101011880 (78009-K)] ("RCEM") and its holding companies, subsidiaries and associated companies ("RCEM Group") and other financial institution. / Pelanggan dengan ini secara tidak boleh dibatalkan dan tanpa syarat membenarkan YYP untuk menyerahhakkan semua hak-hak YYP di bawah Kemudahan ini pada masa kini dan hadapan (termasuk tetapi tidak terhad kepada hasil kutipan dan bayaran yang belum diterima) kepada RCE Marketing Sdn Bhd [No. Syarikat 198101011880 (78009-K)] ("RCEM") dan syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat berkenaan dan bersekutu ("RCEM Group") dan institusi kewangan yang lain.
- b. In view of the assignment, the Customer hereby agree that it shall comply with any notices, letters and / or communication from RCEM and/or RCEM Group and/or other financial institution in relation to the Facility. / Berdasarkan kepada penyerahhakkan tersebut, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Pelanggan haruslah mematuhi semua notis, surat dan / atau komunikasi daripada RCEM dan/ atau RCEM Group dan/atau institusi kewangan yang lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini.
- c. The Customer hereby fully authorise RCEM and/or RCEM Group and/or other financial institution to set off and apply any credit balance from any other loan and / or financing account of the Customer with YYP or any other party who has assigned their rights under such loan and / or financing account to YYP towards the payment of the outstanding amount payable by the Customer under this Facility. / Pelanggan dengan ini memberi kebenaran penuh kepada RCEM dan/atau RCEM Group dan/atau institusi kewangan yang lain untuk melakukan penolakan dan menggunakan apa-apa baki kredit dari mana-mana akaun pinjaman / pembiayaan Pelanggan bersama YYP atau mana-mana pihak lain yang telah menyerahhakkan hak-hak mereka di bawah akaun pinjaman / pembiayaan tersebut kepada YYP untuk pembayaran baki tertunggak yang perlu dibayar oleh Pelanggan di bawah Kemudahan ini.

15. Execution by Digital Signature and/or Electronic Signature / Pelaksanaan Secara Tandatangan Digital dan/atau Tandatangan Elektronik

- a. The parties acknowledge and agree that this Letter of Offer, its Annexure, Perjanjian Jualan Komoditi and any related/subsequent letters, documents or agreements (collectively referred to as "the Agreement") may be executed by digital signature and/or electronic signature in a designated portal in accordance with the provision of the Digital Signature Act 1997 and/or Electronic Commerce Act 2006, and that digital signature and/or electronic signature appearing on the Agreement shall be as legally binding as handwritten signature, an affixed thumbprint and any other mark. / Pihak-pihak mengakui dan bersetuju bahawa Surat Tawaran ini, Lampirannya, Perjanjian Jualan Komoditi dan sebarang surat, dokumen dan perjanjian berkaitan (secara kolektif disebut sebagai "Perjanjian") boleh dilaksanakan dengan tandatangan digital dan/atau tandatangan elektronik di dalam portal ditetapkan menurut peruntukan Akta Tandatangan Digital 1997 dan/atau Akta Perdagangan Elektronik 2006 dan tandatangan digital dan/atau tandatangan elektronik yang tertera di dalam Perjanjian tersebut adalah mengikat secara sah sama seperti tandatangan tulisan tangan, cap ibu jari dan apa-apa tanda lain.
- b. Where the Agreement is executed by digital signature and/or electronic signature, the duly executed Agreement by both parties shall be provided and made available to the Customer in the same designated portal and YYP has no obligation to deliver the Agreement to the Customer as required under Clause 13 above. / Sekiranya Perjanjian dilaksanakan secara tandatangan digital dan/atau tandatangan elektronik, Perjanjian yang dilaksanakan oleh pihak-pihak akan tersedia kepada Pelanggan di portal yang sama dan YYP tidak mempunyai kewajipan untuk menyampaikan Perjanjian tersebut kepada Pelanggan seperti yang diperlukan dibawah Klausula 13 di atas.



PERJANJIAN JUALAN KOMODITI



SUATU PERJANJIAN dibuat pada haribulan dan tahun yang dinyatakan di dalam Seksyen 1 Jadual Pertama dalam Perjanjian ini

ANTARA

Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad [No. Pendaftaran: 199201018259 (249763-U)] ("YYP"), sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 yang mempunyai Pusat Pemprosesan seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 2 Jadual Pertama sebagai pihak pertama [kemudian daripada ini disebut "YYP"]

DAN

suatu pihak seperti dinyatakan di dalam Seksyen 3 Jadual Pertama sebagai pihak yang satu lagi [kemudian daripada ini disebut "Pelanggan / Pembeli"].

MUKADIMAH

BAHAWASANYA:

- I. Pelanggan / Pembeli telah memohon kepada YYP untuk memperoleh Kemudahan Pembiayaan Peribadi-i dengan jumlah seperti dinyatakan di dalam Seksyen 4 Jadual Pertama [kemudian daripada ini disebut "Kemudahan"] di bawah prinsip Komoditi Murabahah, bagi tujuan penggunaan peribadi Pelanggan / Pembeli; dan
- II. Selaras dengan terma Surat Tawaran dan mengikut prosedur pembiayaan YYP, Pelanggan / Pembeli telah berakujanji untuk membeli komoditi yang berlandaskan Syariah seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 5 Jadual Pertama [kemudian daripada ini disebut "Komoditi"] dengan harga yang dinyatakan di dalam Seksyen 6 Jadual Pertama [kemudian daripada ini disebut "Harga Jualan YYP"] mengikut syarat-syarat yang terkandung di dalam Perjanjian ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI SEPERTI YANG BERIKUT:

1. YYP dengan ini menjual kepada Pelanggan / Pembeli dan Pelanggan / Pembeli dengan ini membeli daripada YYP Komoditi pada Harga Jualan YYP yang dinyatakan di dalam Seksyen 6 Jadual Pertama dan dibayar mengikut terma bayaran tertangguh seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 8 Jadual Pertama.
2. Setelah pelaksanaan Perjanjian ini, semua hak milik dan manfaat ke atas Komoditi berpindah terus kepada Pelanggan / Pembeli.
3. Harga Jualan YYP dan semua wang lain yang dijanjikan untuk dibayar dibawah Kemudahan ini hendaklah dibayar sepenuhnya dalam tempoh yang dinyatakan di dalam Seksyen 9 Jadual Pertama.
4. Pelanggan / Pembeli membeli Komoditi secara tidak bersyarat dan tanpa syarat atas dasar "sepertimana yang sedia ada" dan tidak akan mempunyai remedi terhadap YYP berkenaan dengan kualiti, keadaan, atau selainnya berkenaan dengan Komoditi ini.
5. Setiap pihak mengakui bahawa Komoditi itu hendaklah mampu dihantar secara fizikal. Pelanggan / Pembeli boleh meminta penghantaran fizikal Komoditi dengan syarat bahawa YYP hendaklah telah menerima arahan daripada pihak Pelanggan / Pembeli di dalam bentuk notis bertulis dalam tempoh masa empat belas (14) hari terlebih dahulu kepada YYP. Semua kos yang berkaitan dengan penyerahan fizikal Komoditi, termasuk kos penghantaran, kos penyimpanan dan takaful / insurans, hendaklah ditanggung oleh Pelanggan / Pembeli.
6. Melainkan dinyatakan sebaliknya, rujukan, terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Tawaran adalah dengan ini diulang dan hendaklah mengikat pihak-pihak kepada Perjanjian ini dan pengganti hak milik dan pemegang serah hak YYP dan waris, wakil peribadi dan pengganti hak milik Pelanggan / Pembeli.
7. Perjanjian ini akan dikuatkuasa dan digunapakai mengikut undang-undang Malaysia dan mahkamah Malaysia mempunyai bidangkuasa yang eksklusif.

SEBAGAI MENYAKSIKAN BAHAWA MAKA pihak-pihak dalam Perjanjian ini menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun sepertimana dinyatakan dalam Seksyen 1 Jadual Pertama dalam Perjanjian ini.

DITANDATANGANI oleh Penandatanganan Yang
Diberi Kuasa untuk dan bagi pihak Yayasan Dewan
Perniagaan Melayu Perlis Berhad

.....
Nama :
No. K.P. :

DITANDATANGANI oleh Penandatanganan Yang
Diberi Kuasa untuk dan bagi pihak Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad (sebagai ejen kepada Pelanggan / Pembeli)

.....
Nama :
No. K.P. :



JADUAL PERTAMA

(untuk difahami, disifatkan dan ditafsir sebagai sebahagian daripada perjanjian ini)

Perjanjian No:

SEKSYEN	PERKARA	MAKLUMAT
1.	Hari, bulan dan tahun perjanjian ini	
2.	Pusat Pemprosesan	Tingkat 19, Menara Teo Chew, No. 1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia.
3.	Butiran Pelanggan / Pembeli	Nama : No. K.P. : Alamat Surat Menyurat :
4.	Amaun Kemudahan	RM
5.	Komoditi	Komoditi patuh Shariah yang ditentukan oleh YYP di mana jenis dan kuantiti Komoditi adalah seperti dinyatakan dalam e-perakuan atau apa-apa bukti pemilikan lain di bawah selenggaraan pihak YYP untuk Perjanjian ini.
6.	Harga Jualan YYP	RM
7.	Keuntungan	RM
8.	Pembayaran Harga Jualan YYP	Ansuran Bulanan : RM Ansuran Bulanan Akhir : RM Pendahuluan Ansuran Bulanan : Bulan
9.	Tempoh Bayaran (Bulan)	



Saya
(No. K / P:) yang cukup umur dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui dan mengesahkan bahawa:

1. Saya telah memohon Kemudahan Pembiayaan Peribadi-*i* berjumlah RM..... (Perjanjian no.:) daripada Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad [No. Pendaftaran: 199201018259 (249763-U)] ("YYP").
2. Saya telah membaca dan memahami segala butiran yang terkandung di dalam dokumen-dokumen berikut dan telah menandatangani dokumen-dokumen berikut yang bertarikh mengikut Surat Akuan ini atau sebelumnya:
 - a. Borang Permohonan Kemudahan Pembiayaan Peribadi-*i*;
 - b. Surat Tawaran;
 - c. Lampiran Keterangan Produk; dan
 - d. Surat Kebenaran Potongan Gaji.
3. Saya bersetuju bahawa pembayaran ansuran bulanan Kemudahan Pembiayaan Peribadi-*i* akan dibuat melalui skim potongan gaji bulanan yang dikendalikan oleh YYS. Saya berjanji untuk membuat bayaran terus kepada YYS sekiranya baki harga jualan masih belum dijelaskan dengan sepenuhnya atau potongan gaji untuk bayaran ansuran bulanan yang diterima tidak mencukupi.
4. Saya berjanji bahawa saya tidak akan berhenti kerja atau meletak jawatan daripada kerajaan sepanjang tempoh Kemudahan Pembiayaan Peribadi-*i* daripada tarikh penerimaan Surat Tawaran. Jika saya berhenti kerja atau meletak jawatan daripada kerajaan sebelum tamat tempoh Kemudahan Pembiayaan Peribadi-*i* dari tarikh penerimaan Surat Tawaran, saya berjanji untuk membayar kesemua keterhutangan mengikut terma-terma yang terkandung di dalam dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 2 di atas.
5. Saya berfikir waras, tidak dipaksa oleh mana-mana pihak dan mengambil Kemudahan Pembiayaan Peribadi-*i* ini secara sukarela.
6. Saya memahami dan memersetujui bahawa YYS di atas budi bicara mutlak akan mempertimbangkan untuk memberi sejumlah rebat (Ibra') yang ditentukan sepenuhnya oleh YYS.

Dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut Akta Akuan Berkanun, 1960.

Saya secukupnya sedar sekiranya akuan berkanun dibuat ini didapati palsu, maka saya boleh dihukum di bawah Seksyen 199 dan 200 Kanun Keseksaan, di mana jika disabit kesalahan, saya boleh dihukum penjara maksimum tiga (3) tahun dan denda.

Diperbuat dan dengan sesungguhnya)
diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu)
.....)
.....)
di)
di Negeri)
pada haribulan 20.....)

Di hadapan saya

.....
(Pesuruhjaya Sumpah)



BORANG KEANGGOTAAN

Sila isikan borang ini dengan menggunakan HURUF BESAR



A. BUTIRAN PERIBADI

No. Ahli:																				
Nama Penuh (seperti di dalam K.P.):																				
No. K.P. Baru:											No. K.P. Tentera/Polis:									
Tarikh Lahir:											Jantina: ☐ Perempuan ☐ Lelaki									
Bangsa:											Agama:									
Taraf Perkahwinan:											Bil. Anak:									
Nama Pasangan :																				
No.K.P.Baru Pasangan:											No. Tel. Bimbit Pasangan:									

Alamat Kediaman:																				
------------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Poskod:						Negeri:															
---------	--	--	--	--	--	---------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Alamat Menyurat (Jika berlainan daripada Alamat Kediaman):																				
--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Poskod:						Negeri:															
---------	--	--	--	--	--	---------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

No. Tel. Rumah:						No. Tel. Bimbit:															
-----------------	--	--	--	--	--	------------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

B. BUTIRAN PEKERJAAN

Nama Majikan:																				
---------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Pekerjaan/Pangkat:																				
--------------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Alamat Pejabat:																				
-----------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Poskod:						Negeri:															
---------	--	--	--	--	--	---------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

No. Tel. Pejabat:																					
-------------------	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

C. PENAMA/WARIS

	Nama	Hubungan	No. K.P. Baru	Bahagian %
1				
2				

D. PENGAKUAN

Saya mengesahkan bahawa sekiranya diterima menjadi ahli, saya akan sentiasa patuh dan terikat kepada Akta Syarikat 2016 dan peraturan-peraturan diperbuat dibawah kuasanya, Memorandum & Articles of Association, Aturan-Aturan dan sebarang pindaan pengubahsuaian yang diperbuat kepadanya dari semasa ke semasa. Saya adalah seorang warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun dan dilahirkan atau bermastautin atau memiliki tanah di kawasan operasi Yayasan Dewan Perniagaan Melayu Perlis Berhad [No. Pendaftaran: 199201018259 (249763-U)] ("YYP") serta menepati syarat-syarat kelayakan yang terdapat di dalam Memorandum & Articles of Association YYS dan bersetuju membayar Yuran Kemasukan Anggota dan yuran perkhidmatan yang ditetapkan.

Tandatangan Pemohon
Tarikh :



Tandatangan Pencadang
Nama :
No. K.P. :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT YAYASAN DEWAN PERNIAGAAN MELAYU PERLIS BERHAD

Permohonan menjadi ahli telah diluluskan / tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah dalam mesyuarat bilangan _____ yang telah bersidang pada _____

Setiausaha/Pengurus Besar

Pengerusi/Pengarah



ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

SURAT KEBENARAN POTONGAN GAJI MELALUI ANGKASA

Borang BPA1/79 - Pindaan 2013
Rujukan Jab. Akauntan Negara Malaysia:
ANM (T) SULIT, 17/68 Pt. 1/(25)

BAHAGIAN 1 - UNTUK KEGUNAAN ORGANISASI

GUNAKAN HURUF BESAR DAN TULIS DENGAN JELAS PADA BORANG YANG DIPERAKUI

Awam ☐ Polis ☐ Tentera ☐ NAMA PENUH :

NO. KP LAMA / POLIS / TENTERA :

NO. KAD PENGENALAN BARU :

PEJ. PERAKAUNAN / KOD JABATAN / PUSAT BAYARAN

NO. GAJI / NO. PEKERJA :

NAMA / ALAMAT MAJIKAN :
(pusat tanggungjawab gaji)

NO. TELEFON :

NAMA BANK / NO. AKAUN :

PEKERJAAN / PANGKAT :

KOD ORGANISASI :

NO. ANGGOTA :

JUMLAH PEMBIAYAAN DILULUSKAN

RM

KADAR KEUNTUNGAN :

%

LAIN-LAIN CAJ PERKHIDMATAN :
(Berkaitan pembiayaan organisasi)

RM

KOD POTONGAN

POTONGAN BERMULA

Bulan

Tahun

POTONGAN TERAKHIR

Bulan

Tahun

AMAUN POKOK (RM)

LAIN-LAIN AMAUN

<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>
<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>
<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>
<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>
<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>
<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>
<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>
<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>	<table border="1" style="width: 100%; height: 20px;"></table>

JUMLAH BESAR (Amaun Pokok + Lain-lain)

Adalah dengan ini disahkan bahawa butiran yang ternyata dalam dokumen ini diakui betul dan organisasi ini bertanggungjawab ke atas maklumat tersebut.

Nama :

Tandatangan :

Tarikh :

COP KOPERASI / ORGANISASI

BAHAGIAN 2 - PENGAKUAN DAN MAKLUMAT ANGGOTA ORGANISASI

MUSTAHAK : JANGAN TANDATANGAN BORANG KOSONG

Saya dengan ini bersetuju supaya gaji saya [] dipotong untuk dibayar kepada (nama organisasi) [] bagi bayaran seperti ternyata di Bahagian 1 dalam surat kebenaran ini dan lain-lain bayaran atau perubahan yang diarahkan oleh organisasi dari masa ke semasa. Potongan ini akan dibuat kepada Biro Perkhidmatan ANGKASA yang bertanggungjawab mengendalikan pengutipan potongan gaji bersesuaian dengan arahan-arahan SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Bil 1 Tahun 1977, Bil 2/81, Bil 3/81, Bil 4/82, Bil 1/85 dan pekeliling, arahan serta aturan-aturan oleh Kerajaan dan ANGKASA yang dikeluarkan dari masa ke semasa. (Bagi pekerja sektor swasta tertakluk pada Seksyen 24(4) Akta Kerja 1955). Persetujuan saya ini juga adalah keizinan saya yang dikehendaki di bawah undang-undang bertulis mengenai potongan gaji dan/atau buruh yang terpakai dan keizinan ini termasuk memberi kuasa kepada majikan saya untuk mengubah dan/atau meminda potongan gaji ini selaras dengan undang-undang bertulis itu, jika berkenaan. Persetujuan ini laku sehingga kebenaran ini saya tarik balik secara bertulis dan pembatalan potongan ini akan dilaksanakan setelah disahkan oleh organisasi bahawa saya adalah bebas dari sebarang hutang atau tunggakan ansuran pinjaman dan lain-lain bayaran atau perubahan yang diarahkan. Saya maklum bahawa urusan potongan gaji ini ialah satu kemudahan membayar dan saya masih bertanggungjawab terhadap bayaran-bayaran yang tidak dijelaskan kepada organisasi tersebut. Saya juga membenarkan pihak organisasi atau majikan menyemak maklumat potongan gaji dan maklumat lain saya yang disimpan oleh ANGKASA. Sebagai balasan bagi yang tersebut di atas, saya dengan ini menyelamatkan Kerajaan Malaysia dan ANGKASA dari kerugian dan saya tidak akan membuat tuntutan terhadap mereka, tidak akan menuntut daripada mereka, atau tidak akan mendakwa mereka, di atas apa-apa kerugian yang mungkin berlaku selepas apa-apa jumlah telah dipotong dari gaji saya dan dihantar kepada Biro Perkhidmatan ANGKASA atas permintaan saya. Saya mengakui telah membaca dan memahami implikasi surat kebenaran ini dan semua pekeliling, arahan dan aturan-aturan yang mengawal selia kemudahan potongan gaji ini yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan ANGKASA dari masa ke semasa. Ungkapan "organisasi" termasuk koperasi. Saya faham surat kebenaran ini dibaca sekali dengan Aturan-Aturan Kemudahan Biro Perkhidmatan ANGKASA - Versi 2013(1)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan / No. Tentera / No. Polis :

Saya mengaku telah diberi penjelasan secukupnya oleh pegawai (nama) []

Saya mengaku membuat pembiayaan sebanyak (RM) []
(mesti dicatat jika melibatkan pembiayaan.)

yang telah diluluskan oleh koperasi / organisasi

Tandatangan / Cap Jari Individu

Tarikh :

DIPENUHI OLEH SAKSI

Tandatangan :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

BAHAGIAN 3 - PENGESAHAN MAJIKAN

MUSTAHAK : PASTIKAN TUNTUTAN BULANAN DINYATAKAN PADA BAHAGIAN 1

Adalah dengan ini disahkan bahawa butiran yang ternyata dalam dokumen ini diakui betul dan penama berkenaan berkhidmat di jabatan / sekolah / syarikat ini. Jumlah potongan baru yang dibenarkan ialah RM []

Nama Penuh :

Jawatan Pegawai :

Tarikh :

TANDATANGAN / COP MAJIKAN

(Tertakluk pada kelulusan Ketua Jabatan / Pengurus / Pegawai bahagian gaji yang bertanggungjawab)